



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Galakan Pelaburan (Pindaan) (No.2) 1980
DR.39/1980

Naskah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Galakan Pelaburan 1968.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2) 1980 dan hendaklah mula berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1981 dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 28 (2) (a) Akta Galakan Pelaburan 1968, yang dalam Akta ini disebut sebagai “Akta ibu”, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “perbelanjaan baki berkenaan dengan harta itu pada akhir tempoh asas bagi tahun itu” dengan perkataan-perkataan “perbelanjaan kelayakan loji”. Pindaan bagi seksyen 28. 13/68.
3. Seksyen 30H (2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “baki perbelanjaan berkenaan dengan harta itu pada akhir tempoh asas bagi tahun itu” dengan perkataan-perkataan “perbelanjaan kelayakan loji”. Pindaan bagi seksyen 30H.

Pindaan
bagi
seksyen
30M.

4. Seksyen 30M (2) (c) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataaan "baki perbelanjaan berhubung dengan perbelanjaan itu pada akhir tempoh asas bagi tahun itu" dengan perkataan-perkataaan "perbelanjaan itu".

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda peruntukan-peruntukan tertentu Akta Galakan Pelaburan 1968. *Fasal-fasal 2 dan 3* masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen-seksyen 28 dan 30H Akta dengan menggantikan perkataan-perkataaan "perbelanjaan baki berkenaan dengan harta itu pada akhir tempoh asas bagi tahun itu" dalam seksyen-seksyen itu dengan perkataan-perkataaan "perbelanjaan kelayakan loji". *Fasal 4* mengandungi pindaan yang berbangkit.

2. Pindaan-pindaan ini berbangkit dari pindaan-pindaan yang hendak dibuat pada Akta Cukai Pendapatan 1967, sebagaimana terkandung dalam Bab II Rang Undang-undang Kewangan 1980. Berikutan dari pindaan-pindaan ini, asas bagi menghitung elaun modal akan ditukar dari kaedah kira berkurangan yang kini dipakai kepada cara mengira yang lebih senang ikut kaedah kira tetap yang sebagai akibatnya akan dapat membuat penghapusan dengan cara yang lebih cepat.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 1070.]